
JKR STANDARD



JKR/SIRIM 2:2020

ICS: 91.040

Penarafan Hijau (pHJKR) bagi fasiliti bangunan kediaman dan bukan kediaman

JKR

Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia adalah jabatan kerajaan persekutuan di Malaysia di bawah Kementerian Kerja Raya Malaysia yang bertanggungjawab untuk pembinaan dan penyelenggaraan infrastruktur awam di Malaysia seperti jalan raya, bangunan kerajaan, sekolah, hospital, lapangan terbang, pelabuhan, dermaga dan kerja-kerja kejuruteraan berkaitan.

Visi JKR Malaysia adalah untuk menjadi penyedia perkhidmatan bertaraf dunia dan pusat kecemerlangan dalam pengurusan aset, pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan untuk pembangunan infrastruktur negara melalui modal insan yang kreatif dan inovatif serta teknologi canggih.

SIRIM

SIRIM Berhad adalah penyedia penyelesaian menyeluruh dalam kualiti dan inovasi teknologi yang membantu industri dan perniagaan untuk bersaing dengan lebih baik melalui setiap langkah rantaian nilai perniagaan.

SIRIM Berhad adalah pusat kecemerlangan dalam standardisasi, membantu industri dan perniagaan dalam meningkatkan pengeluaran dan daya saing mereka, memberikan perlindungan kesihatan dan keselamatan pengguna, dan memberikan pengguna pilihan produk dan perkhidmatan berkualiti.

JKR STANDARD

JKR Standard dibangunkan mengikut prosedur standardisasi SIRIM, yang selari dengan amalan antarabangsa yang memastikan pemakluman program kerja dibuat sewajarnya dan penyertaan pihak yang berkepentingan. Sebagai organisasi pembangunan standard, SIRIM Berhad mempunyai kepakaran luas dalam penyelidikan dan perundingan standard yang membantu industri dan perniagaan memenuhi keperluan dan amalan tempatan dan antarabangsa.

JKR Standard dibangunkan daripada inisiatif JKR Malaysia sebagai penasihat teknikal dalam pembangunan infrastruktur untuk Kerajaan Malaysia melalui kerjasama dengan SIRIM yang menyediakan keperluan, spesifikasi, garis panduan atau ciri yang boleh digunakan untuk memastikan bahan, produk, proses dan perkhidmatan adalah sesuai untuk tujuan mereka.

JKR Standard dibangunkan melalui persetujuan bersama oleh jawatankuasa, yang terdiri daripada pakar dalam bidang yang berkaitan. Penggunaan standard ini adalah secara sukarela, dan ia terbuka untuk diterima pakai oleh pihak berkuasa, agensi kerajaan, persatuan, industri, badan profesional, dan sebagainya.

© Hak Cipta 2018

Untuk maklumat lanjut atau pertanyaan mengenai JKR Standard, sila hubungi:

Jabatan Standard
SIRIM STS Sdn Bhd
1, Persiaran Dato' Menteri
Seksyen 2, Peti Surat 7035
40700 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

ATAU

Cawangan Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga
Jabatan Kerja Raya Malaysia
Tingkat 23, Menara PJD
No. 50, Jalan Tun Razak
50400, Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur

Tel: 60 3 5544 6314/6909
Fax: 60 3 5510 8830
Email: stdsd@sirim.my
<http://www.sirimsts.my>

Tel: 60 3 4051 8413
Fax: 60 3 4051 8784
Website: www.jkr.gov.my

Kandungan

Muka surat

Prakata	ii
0 Pengenalan	1
1 Skop	1
2 Rujukan normatif	1
3 Istilah dan takrifan	4
4 Kriteria, tanggungjawab dan proses	5
5 Kategori dan strategi pelaksanaan Penarafan Hijau (pHJKR).....	18
Lampiran A Senarai singkatan (normatif).....	72
Lampiran B Contoh borang pendaftaran Penarafan Hijau (pHJKR) (normatif)	74
Lampiran C Borang penilaian pemarkahan Penarafan Hijau (pHJKR) (normatif)	76
Bibliografi	88

Prakata

Standard ini telah dibangunkan oleh Jawatankuasa Projek mengenai Penarafan Hijau (pHJKR) bagi fasiliti bangunan kediaman dan bukan kediaman yang ditubuhkan oleh SIRIM Berhad.

Standard ini telah dibangunkan dengan objektif berikut:

- a) sebagai garis panduan untuk menilai kelestarian sesuatu projek bangunan;
- b) menyediakan strategi yang komprehensif dan sesuai ke arah pelaksanaan projek secara lestari;
- c) memberi kesedaran dan menggalakkan pembangunan lestari; dan
- d) sebagai garis panduan kepada semua pihak yang terlibat dengan penarafan hijau.

Standard ini akan tertakluk kepada semakan berkala untuk mengambil kira keperluan dan keadaan semasa. Pengguna dan mana-mana pihak yang berminat boleh mengemukakan ulasan mengenai kandungan standard ini untuk dipertimbangkan dalam semakan yang akan datang.

Pematuhan ke atas standard ini tidak dengan sendirinya memberikan kekebalan daripada obligasi undang-undang.